



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN**

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN PENILAIAN PENTAULIAHAN
PROGRAM KEMAHIRAN DI BAWAH SISTEM PERSIJILAN
KEMAHIRAN MALAYSIA (SPKM) SEMASA PERINTAH
KAWALAN PERGERAKAN (PKP), PKP BERSYARAT (PKPB)
DAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN
(PKPP)**

1. Pengenalan

- 1.1. Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada Pusat Latihan Kemahiran (PLK), Pusat Bertauliah (PB) dan Panel Penilai Pentaauliahan Program Kemahiran (PPPPK) yang terlibat semasa penilaian pentaauliahan program kemahiran di bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) selaras dengan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) yang berkuat kuasa.
- 1.2. Garis panduan ini perlu dibaca bersama-sama garis panduan berkaitan yang sedang berkuatkuasa. Garis panduan ini juga adalah tertakluk kepada arahan/prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) atau mana-mana agensi dari semasa ke semasa.

2. Objektif

Objektif garis panduan ini adalah untuk memastikan:

- i. Pengurusan lawatan verifikasi pentauliahan di PLK/PB dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan lancar;
- ii. Keselamatan dan kesihatan kakitangan dan personel PPPPK diutamakan semasa penilaian verifikasi dijalankan; dan
- iii. Proses penilaian verifikasi berlaku dalam keadaan selamat seperti yang telah ditetapkan.

3. Tafsiran

Dalam garis panduan ini, tafsiran yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“Bergejala” erinya simptom awal COVID-19 iaitu sama ada mengalami demam (suhu badan 37.5°C dan ke atas), batuk, selesema, sakit tekak atau sesak nafas;

“Ketua Pengarah” ertinya mana-mana pegawai awam yang dilantik sebagai Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran;

“Panel Penilai Pentauliahan Program Kemahiran” ertinya kumpulan pegawai atau personel yang dilantik oleh Ketua Pengarah untuk melaksanakan penilaian bagi permohonan pentauliahan program di PLK/PB;

“Pengurus Pusat Bertauliah” ertinya seseorang yang diberikan kuasa oleh pemilik Pusat Bertauliah dan berdaftar dengan Ketua Pengarah untuk mentadbir pelaksanaan pentauliahan;

“Personel Pentauliahan” ertinya seseorang yang berdaftar dengan Ketua Pengarah sebagai Pengurus Pusat Bertauliah, Pegawai Pengesah Dalaman

atau Pegawai Penilai yang terlibat secara langsung dalam sistem jaminan kualiti Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia;

“pentauliahan” ertinya suatu tatacara yang Ketua Pengarah menilai dan meluluskan sesuatu program latihan kemahiran;

“Penyedia Latihan Kemahiran (PLK)” ertinya suatu pertubuhan perbadanan, organisasi atau lain-lain kumpulan orang yang mengendalikan program latihan kemahiran yang maksud utamanya adalah bagi memenuhi kehendak NOSS berkaitan;

“Pusat Bertauliah” ertinya suatu penyedia latihan kemahiran yang telah diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan suatu program bertauliah sehingga kepada penganugerahan suatu sijil;

“Penjarakan sosial” ertinya jarak antara satu individu dengan individu lain sekurang-kurangnya satu (1) meter dalam sebarang aktiviti;

“premis” ertinya ruang pejabat atau ruang latihan yang diluluskan oleh JPK bagi pelaksanaan program latihan kemahiran. Premis yang mempunyai alamat yang berbeza hendaklah dinyatakan semasa permohonan pentauliahan;

4. Peranan Dan Tanggungjawab

Peranan dan tanggungjawab PLK/PB adalah seperti berikut:

- i. Memastikan persekitaran premis PLK/PB berada dalam keadaan selamat untuk beroperasi;
- ii. Memastikan ruang penilaian iaitu bilik, bengkel/ ruang menunggu mempunyai sistem pengaliran udara yang baik dan elakkan ruang sempit (*Confined Space*);

- iii. Menyediakan sabun atau *hand sanitizer* di semua laluan masuk utama ke ruang penilaian;
- iv. Menyediakan pelitup muka (*mask*) sepanjang sesi penilaian verifikasi pentauliahan;
- v. Melakukan sanitasi premis yang terlibat dalam sesi penilaian verifikasi pada kadar yang kerap dan konsisten sekurang-kurangnya 2 kali sehari;
- vi. Membuat penandaan di lokasi penilaian atau ruangan menunggu di premis mengikut penjarakan sosial yang dibenarkan serta had maksimum calon;
- vii. Menyediakan daftar rekod personel pentauliahan, PPPPK dan kakitangan yang terlibat seperti nama, nombor telefon dan alamat untuk rekod;
- viii. Mengingatkan personel pentauliahan, PPPPK dan kakitangan yang terlibat untuk sentiasa menjaga kebersihan diri dan mengamalkan penjarakan sosial;
- ix. Memastikan saringan suhu dilakukan terhadap personel pentauliahan, PPPPK dan kakitangan yang terlibat di pintu masuk lokasi penilaian. Jika mempunyai suhu badan melebihi 37.5°C, mereka tidak dibenarkan masuk ke kawasan lokasi penilaian dan hendaklah menjalani saringan di klinik atau hospital berdekatan dengan segera. Kos rawatan adalah dibawah tanggungan agensi/ PB / PLK / PPPPK.

5. Pelaksanaan Penilaian Verifikasi Pentauliahan

PLK/PB perlu memastikan sesi penilaian bersemuka dapat dilaksanakan mengikut norma baharu seperti berikut:

- i. Bilangan personel pentauliahan, PPPPK dan kakitangan yang terlibat mengambilkira pematuhan kepada penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu (1) meter di antara personel dan juga tertakluk kepada kapasiti maksimum ruang penilaian/ perjumpaan;
- ii. Bilik Mesyuarat/ perbincangan yang digunakan hendaklah mematuhi jarak susun atur meja/ ruang kerja sekurang-kurangnya satu (1) meter;

- iii. Mewajibkan penggunaan pelitup muka (*mask*) sepanjang sesi penilaian verifikasi pentauliahan;
- iv. Mewajibkan penggunaan *hand sanitizer* atau menyediakan tempat mencuci tangan dengan sabun;
- v. Mengambil dan merekod suhu badan personel pentauliahan, PPPPK dan kakitangan yang terlibat sebelum sesi penilaian bermula; dan
- vi. Memastikan semua kelengkapan dan peralatan telah disanitasi sebelum dan selepas aktiviti penilaian dilaksanakan.

6. Tarikh Kuatkuasa

Panduan ini berkuatkuasa bermula Januari 2021 dan penetapan ini adalah tertakluk kepada arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

7. Penutup

Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Penilaian Pentauliahan Program Kemahiran Di Bawah Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKP Bersyarat (PKPB) Dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini diharap dapat memastikan pengurusan dan proses penilaian pentauliahan program kemahiran boleh dilaksanakan dengan lancar sepanjang tempoh PKP, PKPB dan PKPP ini. Semua PLK/PB hendaklah patuh kepada peraturan yang ditetapkan dalam garis panduan ini.

Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran
Jabatan Pembangunan Kemahiran
Tarikh : Januari 2021